



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FORMULASI PROMOSI *EPHEMERA* BERCETAK DALAM ONTOLOGI BANGSAWAN LAMA

MUHAMMAD AZMAN BIN MASRI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FORMULASI PROMOSI *EPHEMERA* BERCETAK DALAM
ONTOLOGI BANGSAWAN LAMA

MUHAMMAD AZMAN BIN MASRI

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (√)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan
dan Kerja Kursus


Doktor Falsafah

/

Perakuan ini telah dibuat pada ..17....(hari bulan).....6..... (bulan) 20..25....

i. Perakuan pelajar :

Saya, **MUHAMMAD AZMAN BIN MASRI, M20211002554, FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN** dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk **FORMULASI PROMOSI EPHEMERA BERCETAK DALAM ONTOLOGI BANGSAWAN LAMA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejujalnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia :

Saya, **PROF. MADYA DR. LENA FARIDA BINTI HUSSAIN CHIN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **FORMULASI PROMOSI EPHEMERA BERCETAK DALAM ONTOLOGI BANGSAWAN LAMA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA SASTERA**.

17/6/2025

Tarikh


Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS
PROJEK *DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM***

Tajuk / Title: FORMULASI PROMOSI EPHEMERA BERCETAK DALAM
ONTOLOGI BANGSAWAN LAMA

No. Matrik / *Matric's No.*: M20211002554


Saya / I: MUHAMMAD AZMAN BIN MASRI

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:- *acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI. *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

- SULIT/CONFIDENTIAL**
- TERHAD/RESTRICTED**
- TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Mengandungi maklumat terhad yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rasmi 1972./
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972
Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*


(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 17/6/2025


Professor Madya Dr. Leny Farida binti Hussain Chin
(Tandatangan Penyelia/ Signature of Supervisor)

& (Nama & Cop Rasmi/ Name & Official Stamp)
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, tesis ini dapat disiapkan dengan sempurna. Semoga usaha penulisan ini diterima sebagai ibadah untuk memperkayakan ilmu dan memperoleh keberkatan dari Yang Maha Esa. Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Prof. Madya Dr. Lena Farida binti Hussain Chin selaku penyelia utama kerana tidak pernah jemu dalam memberi tunjuk ajar dan mengemukakan cadangan-cadangan yang bernas sepanjang proses penghasilan tesis ini. Segala komitmen dan tiupan semangat yang diberikan oleh beliau telah menyemarakkan lagi usaha dalam melengkapkan penyelidikan ini, serta memberi banyak peluang dari apa segi sekalipun. Beliau juga sentiasa bersabar menunggu saya untuk habis menulis dan sentiasa memberi peringatan kepada saya supaya sentiasa menulis dan tidak berhenti menulis. Penghargaan yang tidak ternilai ditujukan kepada ahli keluarga tercinta terutamanya ibu dan bapa, Rahimah binti Osman dan Masri bin Mad Diah kerana banyak memberikan sokongan, pedoman serta inspirasi agar tesis ini dapat disiapkan dengan sempurna. Tesis ini adalah hadiah buat ibu, ayah, adik beradik dan guru-guru saya yang tercinta. Semoga kejayaan saya ini dapat dijadikan sebagai motivasi kepada adik-adik dan kawan-kawan saya untuk terus melakar kejayaan dalam bidang ilmiah. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada ahli keluarga dan sahabat-sahabat khususnya Tengku Farhan Haziq bin Tengku Mazlan, Siti Nornatasha Abd Aziz, Suhaini binti Hamzah, Nadhilah Suhaimi, Noor Sabiha binti Hatta, Nor Nabilatul Nisya binti Azani, Muhammad Nazrur Dini bin Roslan, Ayu Afnizar binti Samsir Alam Syah, Usha Naantine Rajandran, Ebby Endriana Ellyn binti Junmari, Nazlieya binti Tohiman, Ebby Azra binti Mardin Salmawati binti Masri, Effifutra bin Masnur, Dar Mayunita binti Masri, Fitri Yanti binti Masri, Nurmuhamadi bin Masri, Suziana binti Masri, Muhammad Nazri bin Masri, Nuraidah binti Masri, Muhammad Kamarul Nizam bin Masri, Sofina binti Japar, Muhammad Rudi bin Taufik, Muhammad Hafiz bin Zamri, Muhammad Amsyar bin Ahmad Bistari, Harizal bin Bahari, anak saudara dan semua yang telah banyak menolong saya ketika bangun jatuh saya dalam usaha menyiapkan tesis ini. Kepada rakan-rakan seperjuangan yang sering berkongsi ilmu dan kepakaran dalam usaha menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada sahabat-sahabat serta guru di Temerloh terutamanya Cikgu Idayu binti Hasim yang banyak membantu dari segi positifkan minda serta sumbangan ilmu sepanjang pengajian ini berlangsung. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Puan Che Farihan binti Che Man yang banyak membantu daripada pengurusan akademik pembentangan dan lain-lain.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti hebahan promosi Bangsawan Lama menerusi analisis dokumen pada sekitar tahun 1906an hingga 1930an dengan menggunakan Pendekatan Sejarah sebagai metodologi kajian manakala Model AIDA pula diguna pakai sebagai prinsipal analisis bagi mengintegrasikan elemen promosi. Menurut Gottschalk (2008) pendekatan sejarah merupakan proses kritis rakaman dan peninggalan masa lampau serta merupakan satu kaedah yang sistematik bagi mengumpul sumber-sumber sejarah secara efektif. Melalui kaedah ini, subjek kajian berupaya dinilai dengan kritis serta dapat mengemukakan sintesis daripada hasil yang ingin dicapai dalam bentuk penulisan. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis serta menjustifikasikan elemen promosi Bangsawan Lama yang menarik perhatian, minat, keinginan dan tindakan penonton yang seterusnya menyumbang kepada faktor kemasyhuran teater Bangsawan Lama pada zaman kegemilangannya di Tanah Melayu. Di samping itu, kajian ini juga memfokuskan kepada analisis terhadap penerbitan promosi yang wujud pada sekitar tahun 1906 hingga 1930 sahaja. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan analisis dokumen promosi yang diterbitkan pada sekitar tahun yang dipilih. Formulasi yang dapat di terjemahkan oleh pengkaji ialah seperti berikut Penggunaan Fasa, Tarikan, Informasi dan Penekanan berikut merupakan formulasi promosi yang diguna pakai dalam teater Bangsawan pada ketika itu yang dijadikan sebagai penentu trend dalam sejarah pengurusan pemasaran.





PROMOTIONAL FORMULATION OF PRINTED EPHEMERA IN ONTOLOGY OF OLD BANGSAWAN

ABSTRACT

This study employed the Historical Approach as a research approach to identify the promotions of Malay traditional theater "Bangsawan Lama" through the analysis of documents roughly from 1906 to 1930. The AIDA Model was used as the primary analysis to integrate the promotional elements. Gottschalk (2008) asserts that the Historical Approach is a methodical way to efficiently gather historical resources as well as a crucial technique for capturing and documenting the past. By using this approach, the study can be subjected to critical evaluation and thus be able to have a written summary of the desired outcomes. Therefore, the purpose of this study is to examine and justify the Bangsawan Lama's promotional materials that drew viewers' attention and piqued their interest, which in turn helped the theater to be well-known during its peak in Malaya. Furthermore, this study concentrates on the examination of promotional materials that were produced solely between 1906 and 1930. This research employs a qualitative methodology that entails the examination of marketing materials released in the vicinity of the chosen year. The study's findings will also demonstrate the promotional strategy that was employed at the Bangsawan Theater at the time and is credited with setting a precedent for marketing management.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULIS	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xii

1.1 Latar belakang	1
1.2 Penyataan Masalah	5
1.3 Objektif kajian	8
1.4 Persoalan kajian	8
1.5 Skop dan Batasan Kajian	9
1.6 Kepentingan kajian	9
1.7 Definisi Operasional	10
1.7.1 Bangsawan	10
1.7.2 Ephemera	11
1.7.3 Promosi	12
1.7.4 Ontologi	12
1.7.5 Formulasi	13

1.8	Organisasi Kajian	13
1.9	Kesimpulan	14

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.2	Sejarah Bangsawan	16
2.3	Teater Parsi	22
2.4	Persembahan Bangsawan Lama	30
2.5	Ephemera	32
2.6	Promosi	45
2.7	Pendekatan Sejarah (Historical Approach)	60
2.8	Kesimpulan	62

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	73
3.2	Reka bentuk kajian	75
3.2.1	Pendekatan Sejarah (historical Approach)	76
3.2.2	Kualitatif	76
3.2.3	Pengumpulan data	77
3.2.4	Ephemera Promosi	77
3.2.5	Analisis data	78
3.2.6	Dapatan kajian	78
3.3	Sampel	79
3.4	Subjek kajian	79
3.5	Proses Penulisan Bab	80
3.5.1	Peringkat Pertama	81

3.5.2	Peringkat Kedua	82
3.5.3	Peringkat Ketiga	82
3.6	Prosedur pengumpulan data	83
3.7	Teknik menganalisis data	84
3.8	Pensampelan Bertujuan	85
3.8.1	Kaedah Analisis Dokumen	85
3.8.2	Kaedah Pustaka	86
3.9	Instrumen	87
3.10	Prosedur Kajian	87
3.10.1	Prosedur 1	87
3.10.2	Prosedur 2	87
3.10.3	Prosedur 3	88
3.10.4	Prosedur 4	88
3.11	Etika	88
3.11.1	Kerahsiaan	88
3.11.2	Etika Keterbukaan	89
3.12	Kerangka Teori	90
3.12.1	Pengumpulan Sumber (Heuristik)	93
3.12.2	Kritikan Sumber (Verifikasi)	94
3.12.3	Interpretasi	97
3.12.4	Penulisan Sejarah (Historiografi)	98
3.13	Model AIDA	98
3.13.1	Perhatian (Attention)	99
3.13.2	Minat (interest)	100
3.13.3	Keinginan (Desire)	101

3.13.4 Tindakan (Action)	102
3.14 Gabungan Kerangka kajian	103
3.14.1 Penyelidikan Pustaka	104
3.14.2 Internet	106
3.14.3 Rakaman Video dan Audio	106
3.14.4 Pensampelan Bertujuan	106
3.14.5 Analisis	107
3.14.6 Pengekoden Data	107
3.14.7 Reduksi Data	107
3.14.8 Pemilihan Topik	108
3.15 Kesimpulan	108

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	109
4.2 Analisis hasil dapatan	111
4.3 Rumusan	221
4.3.1 Attention (Perhatian)	221
4.3.2 Interest (Minat)	222
4.3.3 Desire (Keinginan)	222
4.3.4 Action (Tindakan)	223

BAB 5 KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	225
5.2 Perbincangan	226
5.2.1 Attention	226
5.2.2 Interest	227

5.2.3	Desire	227
5.2.4	Action	228
5.3	Formulasi Ephemera Teater Bangsawan	228
5.4	Kesimpulan	246
RUJUKAN		249

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Pengumpulan data	83
5.1	Senarai bahan ephemera 1910an hingga 1930an	230
5.2	Senarai Semak penggunaan Modal AIDA	238

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Pecahan pendekatan Sejarah (Historical Approach)	75
3.2	Proses Penulisan bab	81
3.3	Pendekatan Sejarah (Historical Approach)	91
3.4	500 Bahan yang terkumpul daripada Perpustakaan dan Arkid	93
3.5	Perubahan bahan daripada 500 ke 100 bahan	95
3.6	Model AIDA	99
3.7	Gabungan Pendekatan Sejarah dan Model AIDA	103
4.1	Eastern Daily Mail and Straits Morning Advertiser, 1906 – 1907	113
4.2	Malaya Tribune, 1914 -1920	118
4.3	Malaya Tribune, 1921 – 1923	124
4.4	Malaya Tribune, 1923	132
4.5	Malaya Tribune 1923 - 1926,	140
4.6	Malaya Tribune, 1927 – 1929	148
4.7	Malaya Tribune, 1930	158
4.8	Malaya Tribune dan Kabar Slalu, 1925 – 1930.	167
4.9	Pinang Gazette and Straits Chronicle, 1920.	175

4.10	Pinang Gazette and Straits Chronicle, 1918 -1930,	184
4.11	Straits Echo, 22 February 1907, Page 5	191
4.12	Straits Echo, 1910 – 1916	199
4.13	The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (1884-1942)	207
4.14	The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (1884-1942)	213
5.1	Hasil Analisis promosi teater bangsawan lama	226
5.2	Hasil Analisis promosi teater bangsawan lama	228
5.3	Pengiraan peratusan penggunaan modal AIDA	235



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar belakang



Bab ini menerangkan *Ephemera: Formulasi Promosi Bercetak dalam Ontologi Bangsawan Lama* khususnya di Malaysia serta merumuskan isi kandungan yang tertera pada *ephemera* yang mendukung atau mempopularkan teater Bangsawan lama yang berada di Malaysia. Ia juga merupakan pengenalan kepada latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, kerangka teori dan definisi operasional.

Bangsawan merupakan satu genre seni persembahan yang menarik di dalam resam teater Melayu yang wujud pada sekitar abad ke-19 di Pulau Pinang. Bangsawan mempunyai keistimewaan kerana ia merupakan teater peralihan antara teater tradisional seperti Mak Yong, Menora dan Wayang Kulit.





Teater Bangsawan juga merupakan satu teater peralihan di antara teater moden seperti Sandiwara, Realisme dan Eksperimental (Zuhra, 1992). Teater Bangsawan pada mulanya dibawa masuk ke Pulau Pinang dengan nama Wayang Parsi dan dipentaskan oleh saudagar dari *India* pada sekitar tahun 1870an (Edrus, 1960). Tidak lama kemudian, bentuk teater ini ditiru oleh peranakan di Pulau Pinang dengan meletakkan nama tiruan Wayang Parsi dan kekal pada tahun 1880-an hingga 1884.

Menurut (Zuhra, 1992). Kewujudan Bangsawan Melayu ini bermula pada tahun 1885 di Pulau Pinang yang diketuai oleh Mamak Pushi. Beliau mewujudkan Bangsawan Melayu ini dengan membeli peralatan permainan Wayang Parsi daripada sebuah kumpulan yang telah muflis. Oleh itu, beliau meletakkan nama yang dapat dikenali sebagai Pushi Indra Bangsawan Pulau Pinang dan merupakan kumpulan Bangsawan Melayu yang profesional (Bujang, 1975). Cerita-cerita yang dibawa oleh beliau adalah cerita *India*, Arab, Barat, Melayu dan Cina.

Pementasan dari luar telah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu dalam pengucapan pentas dan watak-watak (Zuhra, 1992). Bangsawan Melayu yang diteraju oleh kumpulan ini menerima sambutan yang hangat. Kumpulan ini juga merupakan kumpulan pertama yang mengadakan pementasan secara bergerak di Tanah Melayu, Singapura dan Sumatera yang dapat menarik minat penonton (Bujang, 1975).

Kewujudan Bangsawan merupakan satu faktor yang mendorong masyarakat Tanah Melayu dan Singapura yang menyaksikan persembahan ingin menyertai atau terlibat secara langsung dalam persembahan Bangsawan. Penglibatan yang ditunjukkan begitu memberangsangkan. Terdapat banyak kumpulan Bangsawan yang menggunakan





modal besar dan kecil ditubuhkan di Malaysia dan Singapura pada abad ke-20 (Bujang, 1975).

Begitu banyak kumpulan Bangsawan yang wujud di kedua-dua negeri ini dan menyebabkan persaingan yang begitu sengit sehinggakan kumpulan Bangsawan yang bermodal besar menyeberang perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan bagi mencari pasaran baru (Beng, 1997).

Sarawak pada ketika itu merupakan negeri yang stabil dari aspek politik, ekonomi dan sosial serta merupakan lokasi terdekat yang menjanjikan peluang ekonomi bagi kumpulan Bangsawan dari Tanah Melayu dan Singapura (N. A. V. Abdullah, 2003). Dengan kedatangan Bangsawan ke Sarawak, teater Bangsawan ini telah berubah melalui tiga fasa iaitu “Bangsawan Tanah Melayu” kepada “Bangsawan Kampung”; “Bangsawan Kampung” kepada “Bangsawan 1980-an”; dan akhirnya persembahan Bangsawan 1980-an kepada “Bangsawan Sarawak”.

Faktor yang mendorong kemasyhuran Bangsawan adalah keunikan aspek pentas Bangsawan Tanah Melayu seperti cerita, kostum, *tasmat*, muzik, peralatan pentas, pelakon, penari dan penyanyi wanita. Hal ini kerana Bangsawan merupakan satu fenomena yang sangat menguntungkan dari segi kelangsungan hidup seperti cita-cita seseorang yang ingin mengekalkan mutu lakonan dan persembahan dalam kumpulan yang mereka ikuti.

Oleh itu, timbullah satu permasalahan yang boleh memberi kesan buruk kepada Bangsawan dan tidak akan membangun kerana adanya pihak yang cuba menjatuhkan antara satu sama lain (Bujang, 1975). Kewujudan persaingan ini akan menimbulkan





kerugian dan pergaduhan yang sama terjadi antara kumpulan Siti Hawa dan Bai Kassim pada suatu ketika dimana mereka melakukan persembahan di negeri yang sama iaitu Pulau Pinang, satu kumpulan di panggung Kuala Kangsar dan satu kumpulan lagi di panggung Gedong Rumpit.

Persembahan ini cuba untuk merebut anak-anak wayang daripada kumpulan saingan utama dan anak wayang yang mempunyai peminatnya. Dengan berlakunya kejadian ini, ketua dari kedua-dua kumpulan risau dan menjaga anak-anak wayang kumpulan mereka supaya tidak terkeluar dari kumpulannya (Bujang, 1975).

Zaman kemasyhuran Bangsawan Melayu telah bermula pada tahun 1915. Pada ketika inilah kumpulan yang telah ditubuhkan dapat dilihat, tetapi banyak yang tidak kekal lama oleh sebab bankrap atau ditutup sendiri oleh tuannya dan mempunyai kumpulan yang berubah-ubah nama (Bujang, 1975). Dalam tempoh tahun 1915 hingga 1945, teater Bangsawan mula mengalami kemerosotan.

Bangsawan menjadi sukar kerana kurang diminati oleh ramai orang pada zaman Perang Dunia Kedua di mana Tanah Melayu ditakluk oleh Jepun. Pada zaman ini, kumpulan-kumpulan Bangsawan sentiasa dalam bahaya dan permainan mereka tidak mendatangkan keuntungan. Beberapa kumpulan telah ditutup pada ketika itu (Rahmah 1975).

Ketika Jepun diserahkan kepada British, teater Bangsawan mula melihat peluang baharu untuk menaikkan nama teater Bangsawan semula, tetapi pada tahun 1950, penggiat-penggiat ini disekat oleh keadaan darurat dalam negeri sehingga drama Bangsawan ini semakin dibelakangkan kerana adanya hiburan-hiburan moden seperti





filem, radio dan televisyen. Pelakon utama Bangsawan mula meninggalkan kumpulan mereka dan memasuki bidang perfileman yang dapat menarik lebih ramai peminat dari golongan muda.

Kemerosotan Bangsawan ini yang dahulunya sangat popular tidak dapat diubah lagi dengan kekurangan orang yang benar-benar berjuang untuk kenaikannya (Bujang, 1975). Tujuan kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan *ephemera* dalam mempromosikan Bangsawan lama. Secara umumnya, *ephemera* merupakan sebuah medium untuk mempromosikan eater Bangsawan lama kerana pada ketika itu, tidak ada media sosial yang dapat dijadikan sebagai tempat hebahan kepada peminat teater Bangsawan ini.

Pada tahun 1906 hingga 1930, teater Bangsawan menjadi satu bentuk hiburan yang paling popular dan sentiasa ditunggu oleh para peminat Bangsawan. Perkara ini mendorong penyelidik untuk mengkaji bagaimanakah Bangsawan ini dapat disebarkan kepada peminat yang ingin mengetahui dan begitu teruja dengan persembahan Bangsawan, adakah *ephemera* ini membantu dalam mempromosikan Bangsawan pada era kegemilangan tersebut.

1.2 Penyataan Masalah

Tidak ada fakta-fakta yang menerangkan secara ringkas dan umum berkaitan promosi Bangsawan yang membantu mempopularkan Teater Bangsawan dengan peningkatan jumlah penonton yang hadir dengan pelbagai latar bangsa. Malah terdapat pelbagai





pendapat dan kekeliruan berkaitan faktor utama yang mempopularkan Teater Bangsawan.

Melalui hasil penyelidikan dan pembacaan yang dilakukan, tidak ada penyelidikan yang khusus atau terperinci tentang promosi Bangsawan ditemui. Terdapat beberapa pernyataan masalah yang penyelidik temui dalam kajian ini. Antaranya ialah tidak ada perbincangan yang membuktikan bahawa promosi menjadi penyumbang dalam mempopularkan

Teater Bangsawan di semenanjung Tanah Melayu. Melalui pembacaan tizauan literatur yang dilakukan, kebanyakan kajian hanya menyentuh tentang elemen persembahan. Jadi, bagi melihat populariti pada zaman kemasyhurannya, apakah elemen promosi Bangsawan lama yang menjadi faktor penarik untuk penonton menonton sehingga teretusnya fenomena Bangsawan semasa zaman kegemilangannya? Kita faham, pada zaman itu teknologi televisyen belum wujud. Jadi, Bangsawan dikatakan menjadi popular kerana ia merupakan salah satu hiburan yang wujud pada zaman tersebut.

Bukan itu saja, nama cerita persembahan dan senarai persembahan yang terdapat di dalam *extra turn* dimasukkan di dalam hebahan melibatkan poster dan corong pembesar suara (Abdul Samat Salleh, 2005). Malah ada yang mengatakan *extra turn* menjadi faktor daya penarik yang menyumbang kepada populariti Bangsawan (Shaikh Razak, 2015). Namun, apakah kajian dan pembuktian yang menyokong kepada elemen promosi tersebut? Apakah faktor uama yang menarik perhatian, minat, keinginan dan tindakan penonton menyambut hangat persembahan Bangsawan pada waktu itu? Jika mahu bergantung pada cerita itu semata, perkara ini menjadi persoalan





yang sangat besar kerana Malaysia tidak mempunyai dokumentasi rakaman persembahan Bangsawan pada zaman itu.

Bangsawan bukanlah sebuah persembahan murah yang boleh dinikmati oleh semua golongan. Semua persembahan dikenakan bayaran yang agak tinggi nilainya. Pasti, daya tarikan dalam promosi Bangsawan mencerminkan produk tersebut. Medium promosi Bangsawan utama pada ketika itu adalah melalui *ephemera* hebahan pengiklanan dan artikel surat khabar kerana belum wujud teknologi media massa.

Maka, paparan promosi merupakan elemen yang sangat penting untuk sampai kepada masyarakat (penonton). Apakah elemen promosi yang menarik minat untuk penonton hadir menyaksikan persembahan? Menelusuri zaman kedatangan, kebangkitan, kemasyhuran ke zaman kejatuhan dan kelangsungan untuk terus hidup sehingga kini, Teater Bangsawan masih wujud, namun sambutanannya tidaklah sehangat dahulu.

Justeru, pengkaji ingin menyingkap tabir sejarah, kembali pada zaman kegemilangannya untuk menyelidik dan menganalisis elemen promosi yang digunakan pakai semasa era kegemilangannya. Melalui penyelidikan ini, sumbangan data promosi mungkin mampu menyumbang kepada faktor kekuatan produk yang wajar diambil kira untuk sesebuah penerbitan Bangsawan dalam meneruskan kelangsungan pelestariannya.





1.3 Objektif kajian

Objektif pertama ialah untuk mengenalpasti elemen promosi yang menarik perhatian, minat, keinginan dan tindakan penonton yang mendorong kepada faktor kemasyhuran Teater Bangsawan. Informasi berkaitan promosi Bangsawan lama tidak ada yang dikaji secara terperinci. Kedua, pengkaji ingin menjustifikasi elemen promosi dalam eater Bangsawan LLama dan kepentingan sumbangannya dalam menarik minat, keinginan dan tindakan penonton yang mendorong kepada faktor kemasyhurannya.

Maka itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat strategi pemasaran dalam elemen promosi yang digunakan. Hal ini dilihat sebagai faktor yang terpenting untuk menarik perhatian penonton pada ketika itu. Melalui kajian ini, pengkaji dapat melihat faktor keberkesanan formulasi elemen promosi tersebut sehingga mampu menarik minat masyarakat pada ketika itu yang jauh dari hebahan teknologi. Kajian ini dijangka dapat menyumbang pengetahuan berkaitan kepentingan elemen promosi sebagai salah satu faktor penting dalam urusan penjualan produk persembahan iaitu Bangsawan.

1.4 Persoalan kajian

Bagi memenuhi objektif kajian seperti yang tertulis di atas, penyelidik mengeluarkan beberapa persoalan kajian dikemukakan iaitu:

- a) Bagaimanakah mengenalpasti elemen promosi yang menarik perhatian, minat, keinginan dan tindakan penonton yang mendorong kepada faktor



kemasyhuran Teater Bangsawan dengan tiadanya informasi berkaitan promosi Bangsawan lama yang dikaji secara terperinci?

- b) Bagaimanakah pengkaji ingin menjustifikasikan elemen promosi dalam Teater Bangsawan Lama dan kepentingan sumbangannya dalam menarik minat, keinginan dan tindakan penonton yang mendorong kepada faktor kemasyhurannya?

1.5 Skop dan Batasan Kajian

Bangsawan telah wujud di Malaysia sejak tahun 1880an lagi. Kajian ini juga menumpukan kepada *ephemera* yang digunakan dalam persembahan Teater Bangsawan lama pada zaman kegemilangannya iaitu pada tahun 1906 hingga 1930 sahaja. Batasan kajian ini juga akan menumpukan kepada lima (5) jenis penerbitan utama dalam 20 tahun tersebut. Skop *ephemera* dalam kajian ini ditumpukan kepada iklan dan artikel sahaja. Batasan sampel kajian hanya dihadkan kepada 100 *ephemera* (termasuk yang diulang sekiranya ada) yang akan menggunakan model AIDA untuk tujuan analisis.

1.6 Kepentingan kajian

Hasil kajian ini mampu memberikan impak kepada pelajar yang ingin mengetahui kaedah yang digunakan dalam promosi lama. Dapatan kajian ini juga dapat memberi maklumat yang terperinci kepada para mahasiswa dan pelajar tentang promosi yang digunakan dalam Teater Bangsawan Lama yang berada di Malaysia. Kajian ini juga



dapat membantu pembaca untuk mendorong mereka yang ingin melaksanakan Teater Bangsawan dengan kaedah promosi yang betul dan tepat.

Oleh itu, dapatan kajian tentang promosi Teater Bangsawan Lama ini amat penting dalam menyumbang pengetahuan dan maklumat untuk menjadi penggiat Teater Bangsawan Lama. Hasil dapatan kajian ini juga dapat menyediakan garis panduan kepada penggiat dan peminat Teater Bangsawan untuk meningkatkan serta mempelbagaikan reka bentuk, teknik dan kaedah yang boleh diterapkan dalam pembelajaran serta dalam produksi. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu para penggiat teater untuk menyesuaikan strategi yang diguna pakai dalam Teater Bangsawan Lama. Tujuan pengkaji ingin mengkaji mengenai Teater Bangsawan Lama adalah kerana kurangnya penulisan-penulisan berkenaan *ephemera* yang memberi dorongan kepada promosi Teater Bangsawan ama.



1.7 Definisi Operasional

Definisi istilah merupakan penerangan maksud-maksud istilah yang diguna pakai berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan pandangan daripada beberapa orang tokoh berkaitan definisi Bangsawan, *Ephemera*, Promosi, Ontologi dan Formulasi.

1.7.1 Bangsawan

Teater Bangsawan merupakan sebuah pementasan teater tradisional yang telah bertapak di Tanah Melayu sejak tahun 1870-an. Teater Bangsawan ini telah dibawa masuk dari





India melalui Pulau Pinang. Pada ketika itu, Teater Bangsawan dikenali dengan nama Wayang Parsi atau Mendu. Teater Bangsawan merupakan satu bentuk hiburan yang paling popular pada tahun 1880-an dengan membawa pelbagai unsur-unsur kesenian yang wujud dalam persembahan.

Antaranya ialah seni lakonan, seni tarian, seni muzik, seni nyanyian, lawak jenaka dan juga seni visual (Bujang, 1989). Menurut Beng (2011), Bangsawan juga merupakan salah satu bentuk teater yang sangat popular dan ditonton oleh pelbagai kaum. Ianya telah membawa nama Bangsawan di bandar-bandar utama dan daerah-daerah di luar Tanah Melayu dan telah dipentaskan menyeberangi Selat Melaka.

1.7.2 Ephemera



Ephemera atau boleh dikatakan bahan fana merupakan bahan yang merupakan sementara, tidak kekal dan ringkas malah ia mempunyai maklumat penting dan signifikan bagi sesuatu peristiwa. Antara bahan-bahannya adalah seperti poskad, brosur, buku program/atur cara, poster, kalendar, setem, sampul surat hari pertama, gambar, lengana, cenderahati dan seumpamanya yang dapat menyalurkan maklumat dalam bentuk visual dan grafik (Perpustakaan Negara (2014).

The word ephemera is the plural form of the Greek word ephemeron meaning on or about aday. Ephemera includes junk mail, election material, receipts, railway tickets, newspapers, posters, labels, telephone directories etc. most of which is discarded immediately and forgotten and only a small portion survives long enough to become an important tool in studying the past. (Liam Byrne 2012)





1.7.3 Promosi

Menurut James & Phillips (1995), promosi merupakan satu aktiviti yang menyampaikan manfaat perkhidmatan pelanggan. Ia juga merupakan satu pengiklanan, promosi jualan, jualan peribadi, publisiti dan perhubungan awam yang memberi faktor kepada manusia untuk mencapai perkhidmatan serta memenuhi persepsi dan kehendak pelanggan. Ini juga dapat mengukur keupayaan seseorang untuk menambah kemahiran, pengetahuan dan pengalaman terhadap sesuatu yang ingin dijual.

1.7.4 Ontologi

Menurut Blaikie (2007), ontologi merupakan cabang falsafah yang memberi maksud tentang sesuatu konsep yang berkenaan dengan realiti, tidak kira sama ada yang nyata atau abstrak. Hal ini dapat mempengaruhi seseorang dengan mendefinisikan diri dan alam sekitarnya. Ontologi juga dapat dikatakan sebagai entiti, sifat atau komponen kepada sesuatu benda. Ontologi juga merupakan satu andaian tentang sesuatu realiti sosial, memberi sesuatu jawapan kepada setiap persoalan. Bagi setiap paradigma penyelidikan yang dijelmakan dalam bayangan yang berkaitan dengan keadaan yang wujud di dalam ini akan disokong dengan andaian ontologi yang dapat diberi maksud lain seperti menggambarkan pandangan terhadap bentuk atau corak realiti tersebut sama ada tersirat atau yang jelas. Seterusnya menurut Bryman (2004), beliau mendefinisikan ontologi sebagai sifat yang memberi entiti sosial. Sehubungan itu, Saunders et al. (2009) menerangkan ontologi ialah satu teori yang berkaitan dengan sifat fenomena dan entiti sosial yang diberi maksud kepada sistem pengetahuan.





1.7.5 Formulasi

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat memberi maksud Formulasi merupakan satu huraian atau penjelasan yang ringkas dan tepat dan berkaitan sesuatu kajian yang ingin dikaji. Ia juga boleh dikatakan sebagai satu rumusan.

1.8 Organisasi Kajian

Di dalam bab pertama iaitu bab pengenalan, pengkaji memberi tumpuan kepada latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, kerangka kajian, kerangka teori dan definisi operasional.



Bab kedua lebih memfokuskan kepada tinjauan literatur. Tinjauan literatur ini lebih memfokuskan kepada sejarah Bangsawan, Teater Parsi, Persembahan Bangsawan Lama, *Ephemera* Promosi Bangsawan Lama, promosi. Segala maklumat ini memberi dorongan kepada pengkaji untuk membuat kajian yang dilakukan.

Manakala dalam bab ketiga menerangkan serba sedikit metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian yang dilakukan. Dalam bab ini, pengkaji menerangkan carta alir, reka bentuk kajian, subjek kajian, bahan kajian, prosedur kajian, teknik menganalisis data, kaedah analisis dokumen, kaedah pustaka, etika dan kerahsiaan.



Seterusnya, bab empat akan membincangkan hasil dapatan yang diperolehi oleh pengkaji dan sebanyak 100 bahan Ephemera yang dibincangkan dalam bab ini bermula dari tahun 1906 hingga tahun 1930. Dapatan kajian ini dibincangkan dengan menggunakan model AIDA.

Akhir sekali, bab lima akan membincangkan dan merumuskan segala dapatan kajian yang telah diperolehi daripada 100 bahan Ephemera yang telah dipilih bermula tahun 1906 hingga tahun 1930.

1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam bab ini dapat memberi penjelasan tentang kajian yang ingin dijalankan. Bab ini juga memberi justifikasi tentang kaedah kajian yang dijalankan serta menjelaskan beberapa aspek yang lain. Bab ini telah membincangkan permasalahan kajian yang telah menimbulkan persoalan kajian dan objektif kajian yang dinyatakan supaya dapat dijalankan dengan baik dan lancar. Manakala batasan kajian telah diterangkan dengan terperinci supaya setiap pemilihan sampel dapat difahami dengan jelas.